

Laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan MyCC

Kerajaan perlu tambah import daging

Penternak tak
dapat tampung
permintaan
punca harga
meningkat

Oleh Mohd Azis Ngah dan Amin
Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketidakupayaan penternak tempatan memenuhi permintaan dan kebergantungan kepada negara sumber import yang terhad, dikenal pasti oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebagai punca harga daging dalam pasaran negara menjadi tidak menentu.

Justeru, kerajaan digesa lebih agresif mencari negara pengeksport daging, bagi memastikan kestabilan bekalan dan harga menerusi persaingan yang lebih banyak dalam pasaran.

Kajian Pasaran Sektor Makanan yang dikendalikan oleh MyCC mendapati, kegagalan me-

nangani keadaan itu boleh meletakkan negara dalam krisis bekalan daging, sekali gus menjejaskan sistem keselamatan makanan.


Kerajaan juga digesa memfokuskan kepada usaha mengurangkan kos menjalankan perniagaan pasaran domestik dengan membangunkan dasar integrasi makanan haiwan kebangsaan untuk mengurangkan kos memproses makanan haiwan.

Berdasarkan kejadian itu, MyCC mendapati, permintaan terhadap bekalan daging dalam kalangan rakyat negara ini semakin tinggi.

Ini berdasarkan peningkatan pemakanan daging lembu yang meningkat daripada 5.5 kilogram (kg) kepada 6.7/kg perkapita tahun lalu.

Bagaimanapun, nisbah ketahanan diri (SSR) bagi daging lembu menurun daripada 30 peratus pada 2010 kepada 22 peratus tahun lalu, begitu juga dengan penguatkuapannya merosot daripada 51,227 tan pada 2012 kepada 46,333 tan pada 2017.

Jumlah import daging lembu pula meningkat daripada 129,776



tan pada 2010 kepada 167,439 tan yang menunjukkan kebergantungan negara kepada negara luar seperti India dan Australia.

Tahun lalu, Malaysia mengimport 216,604 tan daging lembu manakala pengeluaran pembekal domestik hanya 47,597 tan.

Kajian itu menyebut Malaysia mengimport lembu hidup daripada hanya dua negara iaitu Australia dengan 68 peratus dan Thailand (32 peratus), manakala daging segar daripada tiga sumber, iaitu Australia (92 peratus), New Zealand (tiga peratus) dan lain-lain negara, lima peratus.

Daging lembu sejuk beku pula diimport dari India (78 peratus), Australia (13 peratus), New Zealand (tiga peratus) dan satu peratus dari Brazil.

“Kebergantungan kepada Australia dan India untuk bekalan kerbau dan lembu mendedahkan pasaran tempatan kepada permintaan pasaran dan ketidakpastian harga di negara ini,” kata MyCC

dalam segmen kajian bagi produk daging lembu terkandung dalam laporan kajian berkenaan.

Dari segi penetapan harga, laporan itu menjelaskan ia dipengaruhi dengan tukaran mata wang asing dan pada masa sama berlakunya kekurangan bekalan dari Thailand berikutan permintaan dari negara lain.

“Ia menyebabkan Malaysia terus bergantung kepada pengimportan kerbau dari Australia yang menyebabkan harga meningkat berikutan harga komoditi di peringkat global dan penurunan mata wang tempatan.

“Kita membayar sekilogram kerbau Australia pada harga antara RM8 hingga RM9, selain kos logistik iaitu pengangkutan laut (RM1 hingga RM1.50 sekilogram) atau pengangkutan udara (RM7 hingga RM8 sekilogram),” katanya.

Kos lain juga perlu ditanggung di peringkat pemborong dan peruncit, antaranya makanan hai-

wan, perubatan, buruh, penyembelihan, pengangkutan, penyimpanan sejuk beku, sewa dan utiliti yang akhirnya akan diserap pengguna.

Sehubungan itu, laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan itu mencadangkan supaya kerajaan menggunakan pendekatan lain untuk meningkatkan pengeluaran di peringkat domestik menerusi kerjasama strategik pada antara sektor swasta dan syarikat sedia ada yang sudah berjaya dalam penternakan.

“Selain bergantung dengan dua negara (Australia dan India), kerajaan juga harus secara agresif mencari negara lain pengeksport lain bagi memastikan kestabilan bekalan dan peluang lebih banyak untuk memastikan lebih banyak persaingan di pasaran.

“Dasar ini bukan hanya terhad kepada sektor ruminan tetapi dikembangkan kepada sektor akuakultur untuk meningkatkan skala ekonomi negara,” katanya.